

Najib Pulang Selepas Kejayaan Lawatan ke Kazakhstan
Bernama
Mei 24, 2014
Oleh Ahmad Fuad Yahya

ASTANA (KAZAKHSTAN), 24 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak berlepas dari sini malam Sabtu pulang ke tanah air setelah melakukan lawatan rasmi tiga hari yang berjaya ke Kazakhstan.

Semasa lawatan, Perdana Menteri mengadakan rundingan dengan rakan sejawatannya dari Kazakhstan Karim Massimov dan Presiden Nursultan Nazarbayev dalam usaha meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Pada Jumaat, Najib diberi penghormatan menyampaikan ucapnama di Forum Ekonomi Astana selaku tetamu khas Nazarbayev.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini Sabtu, Najib berkata kejayaan lawatan terpancar pada hubungan yang cukup mesra terjalin antara kedua-dua pihak, membuka jalan kepada hubungan dua hala yang lebih baik.

"Antara perkara yang kami setuju ialah berhubung perdagangan - perlunya perdagangan bilateral total meningkat secara substantial.

"Tiga memorandum persefahaman ditandatangani - bagi pembinaan loji LPG (gas petroleum cecair) dan loji methanol, dan untuk ternakan lembu daging - bernilai kira-kira US\$1.1 bilion, yang akan memberi peluang kepada usahawan Malaysia di negara yang kaya dengan sumber itu.

"Ini akan memperluaskan lagi peranan Malaysia di Kazakhstan dan rantau berkenaan," kata beliau.

Menyertai Najib dalam lawatan itu ialah Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Pendidikan kedua Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1041023>